

Keindahan Ramadan

Ramadan adalah bulan Islam yang hebat kerana terdapat 1001 kenikmatan, kerahmatan dan keampunan daripada Allah SWT

Kelebihan Ramadan

- Umat manusia akan dinaungi Ramadan. Bagi yang telah meninggal dunia terlepas daripada seksa kubur.
- Bulan penuh keberatan dan terdapat satu malam yang mana nilai adalah lebih baik daripada 1000 bulan.
- Amalan sunat sama dengan solat fardu, manakala solat fardu mendapat 70 kali lipat ganda, bulan sabar dan pahalanya adalah syurga, bulan menambah rezeki.
- Ia juga merupakan bulan keampunan, doa yang paling makbul iaitu doa sebelum berbuka puasa, sepertiga malam.
- Kelebihan terbesar ialah 10 hari pertama adalah mulanya rahmat, 10 hari pertengahan adalah maghfirah (keampunan) dan 10 hari terakhir adalah dijauhkan diri daripada api neraka.

PERISTIWA PENTING

- Bulan yang diturunkan al-Quran atau pada erti kata yang lain malam Nuzul Al-Quran.
- Malam Lailatulqadar itu jatuhnya dalam bulan Ramadan. Lailatulqadar juga diriwayatkan turun pada malam ganjil sepuluh terakhir Ramadan.
- Berlakunya peristiwa perang Badar. Perang Badar berlaku pada hari Jumaat 2 Ramadan tahun ke-2 Hijrah yang mana merupakan perang pertama dalam Islam.
- Menyaksikan peristiwa Fathu Mekah iaitu pembukaan Kota Mekah. Pembukaan kota Mekah ialah salah satu peristiwa yang terbesar dalam sejarah Islam. (rujuk al-Fath: 1)
- Mencatatkan berlaku beberapa peperangan Tabuk pada bulan Ramadan tahun 9 hijrah. Baginda keluar ke Tabuk pada bulan Rejab dan kembali ketika bulan Ramadan. Peperangan ini memakan masa selama 50 hari.
- Berlaku peperangan al Zilaqah pada 479 Hijrah, peperangan Ain Jalut pada Ramadan tahun 658 Hijrah dan Pembukaan Andalus pada Ramadan tahun 92 Hijrah.



Ihya' Ramadan

Oleh SALMIEZA OTHMAN

REJAB seperti angin yang mula bertiup, Syaaban seperti sekumpulan awan hitam bergumpalan dan Ramadan adalah seperti titisan air hujan yang menurunkan seribu rahmat. Begitulah alunan puisi indah daripada Abu Bakar Al-Warraq.

Kita sentiasa berdoa dan merasa amat bertuah, kerana diizinkan Allah untuk bertemu semula Ramadan. Umat manusia seringkali berharap agar dapat bersamanya sehingga ke akhirnya dan bertemu lagi dengan Ramadan di tahun-tahun yang mendatang.

Kita mahu menjadi golongan mukmin yang disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya yang bermaksud: Kalaulah umatku tahu tentang kebaikan bulan Ramadan, mereka pasti mengharapkan biarlah Ramadan itu sepanjang tahun. (riwayat At-Tabrani).

Ramadan pada bahasa dengan maksud kepanasan atau batu-batu kecil yang berada di padang pasir pada musim panas. Ia merupakan satu bulan daripada bulan-bulan Islam yang berada di antara Syaaban dan Syawal. Bulan ini ditaklifkan kepada umat Islam supaya berpuasa selama sebulan.

Manakala dari segi bahasa pula ditakrifkan sebagai menahan diri daripada melakukan sesuatu seperti; makan, minum dan bercakap. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT melalui surah Maryam, ayat 26 yang bermaksud: *Sesungguhnya aku bernazar diam membisu kerana Allah yang bersifat al-Rahman.*

Adapun dari segi istilah syarak pula, puasa ialah menahan diri daripada melakukan sebarang perkara yang membatalkannya di malam hari bermula daripada terbit fajar hingga matahari terbenam beserta dengan niat berpuasa di malam hari.

Namun apakah umat Islam hanya bersedia melakukan ibadah puasa sekadar menahan diri daripada makan dan minum mengikut waktu yang ditetapkan sahaja, tetapi pada masa yang sama segala perbuatan-perbuatan yang keji masih diteruskan sekalipun ketika berpuasa?

"Bukanlah puasa namanya, hanya sekadar tidak makan dan tidak minum, tetapi puasa yang sebenar ialah menahan diri daripada perkara yang sia-sia dan bercakap kotor (keji), sekiranya ada orang yang memaki hamun kamu atau memperbodohkan kamu, maka katakanlah padanya sesungguhnya aku ini berpuasa." (riwayat Ibnu Huzaimah, Ibnu Hibban dan Al-Hakim).



PEMANDANGAN biasa bulan Ramadan dan menjelang Syawal. - Gambar hiasan

Pensyariatian berpuasa pada bulan Ramadan telah difardukan pada bulan Syaaban tahun ke-2 Hijrah. Sebelum itu amalan puasa telah pun biasa dilakukan di kalangan umat terdahulu dan ahli kitab yang sezaman dengan baginda SAW. (rujuk al-Baqarah: 183)

Yang dikatakan Ramadan adalah bulan Islam yang hebat ialah di dalamnya terdapat 1001 kenikmatan, kerahmatan dan keampunan daripada Allah SWT melalui salasilah pensyariatannya kepada umat Islam.

Ramadan adalah bulan diturunkan al-Quran dan disebut (*syahr ramadana*) yang mana terjadinya perang Badar Kubra dan mendapat kemenangan. Ramadan juga merupakan bulan di mana Nabi Muhammad mengambil alih Mekah daripada Musyrikin dan berakhirnya penyembahan berhala.

Di dalamnya juga terdapat malam al-qadar iaitu malam yang lebih baik daripada 1000 bulan. Bulan ini juga dipilih sebagai bulan untuk melakukan ibadah puasa dan ibadat-ibadah lain seperti bertadarus al-Quran, qiamullail, berzikir dan berselawat serta ibadah-ibadah sunat yang lain.

Kesimpulannya, Ramadan merupakan salah satu daripada bulan-bulan yang mempunyai kehebatannya tersendiri. Jika kata-kata "Rejab bulan Allah, Syaaban bulan Muhammad dan Ramadan adalah bulan umat" adalah tepat sama sekali.